

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XVI)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

24. Apakah status terkini pelaksanaan 5G di Pulau Pinang?

(a) Adakah infrastruktur 5G telah dibina ataupun belum?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

24. Negeri Pulau Pinang merupakan salah sebuah daripada enam (6) negeri yang akan melaksanakan projek Demonstrasi 5G di Malaysia. Negeri Pulau Pinang juga akan menjadi negeri kedua yang melaksanakannya selepas perasmian projek tersebut di Pulau Langkawi pada 19 Januari 2020 yang lalu. Sebanyak tujuh (7) buah syarikat telekomunikasi telah dipilih untuk melaksanakan 19 *use cases* di Negeri Pulau Pinang dengan anggaran kos sebanyak RM23.2 juta. *Use cases* yang akan dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang merangkumi lima (5) *vertical* iaitu, Pertanian, Pendidikan, Negeri Pintar, Industri Pembuatan dan Pelancongan.

Kesemua *use cases* tersebut dijadualkan untuk bermula pada bulan Mac 2020 dan berlangsung selama enam (6) bulan. Pihak Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) bertindak sebagai penyelaras projek ini antara syarikat-syarikat tersebut dengan jabatan-jabatan teknikal negeri. Setakat ini beberapa mesyuarat telah diadakan oleh BKT dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengangkutan Jalan Pulau Pinang, PDC Setia Urus Sdn. Bhd., Jambatan Pertama Sdn. Bhd., Perbadanan Ketua

Menteri dan lain-lain lagi bagi menyelaras *use cases* yang telah dirancang oleh syarikat-syarikat telekomunikasi. Status semasa pelaksanaan *use cases* tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

Walau bagaimanapun, Demonstrasi 5G ini telah ditangguhkan buat sementara waktu disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa mulai 18 Mac 2020.

- (a) Setakat ini belum ada sebarang infrastruktur 5G dibina di Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

SENARAI STATUS KEMAJUAN PROJEK-PROJEK DEMONSTRASI 5G DI NEGERI PULAU PINANG

| BIL. | NAMA PROJEK | LOKASI PROJEK | STATUS KEMAJUAN PROJEK |
|------|---|--|---|
| 1 | <i>5G Connectivity & Security Management USM Campus</i> | Universiti Sains Malaysia | Sedang menunggu penghantaran peralatan |
| 2 | <i>Quality Inspections</i> | Clarion, Bayan Lepas | Dalam proses mendapatkan kelulusan untuk pemasangan peralatan |
| 3 | <i>Surface Technology Mounting</i> | Clarion, Bayan Lepas | Dalam proses mendapatkan kelulusan untuk pemasangan peralatan |
| 4 | <i>Automated Guided Vehicle</i> | Intel Technology Sdn Bhd | Dalam proses perolehan |
| 5 | <i>High speed internet access (5G FWA)</i> | Bukit Bendera | Dalam proses mendapatkan kelulusan untuk pemasangan peralatan |
| 6 | <i>Virtual Tourism</i> | Bukit Bendera | Dalam proses mendapatkan kelulusan untuk pemasangan peralatan |
| 7 | <i>Virtual Tourism</i> | Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang | Dalam proses mendapatkan kelulusan untuk pemasangan peralatan |
| 8 | <i>Smart Facial Recognition</i> | Hotayi, Mertajam | Dalam proses perolehan |
| 9 | <i>Smart Automation Production and Monitoring</i> | Hotayi, Mertajam | Dalam proses perolehan |

| BIL. | NAMA PROJEK | LOKASI PROJEK | STATUS KEMAJUAN PROJEK |
|------|--|--|--|
| 10 | <i>Maxis eKelas VR with 5G</i> | Penang Digital Library | Demonstrasi projek telah bermula pada 29 Februari 2020 menggunakan teknologi 4G dan akan ditambah baik dengan teknologi 5G apabila Infrastruktur 5G siap sepenuhnya. |
| 11 | <i>Durian Tracker</i> | Sungai Pinang, Balik Pulau | Dalam proses mendapatkan kelulusan untuk pemasangan peralatan |
| 12 | <i>Smart Building and Security</i> | KOMTAR | Sedang memuktamadkan tempat untuk showcase daripada pemilik bangunan |
| 13 | <i>Reduce or Crash (RoC) on Penang Bridge</i> | Jambatan Pulau Pinang | Dalam proses mendapatkan kelulusan Jabatan Pengangkutan Jalan |
| 14 | <i>Face Recognition on Penang Road</i> | Jalan Penang, George Town | Dalam proses perolehan |
| 15 | <i>360 Degree UHD 4K Safety & Security</i> | Padang Kota | Dalam proses perolehan |
| 16 | <i>5G Live Streaming</i> | Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang | Dalam proses perolehan |
| 17 | <i>360 Degree UHD 4K Safety & Security</i> | Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang | Dalam proses perolehan |
| 18 | <i>High speed internet access (5G FWA)</i> | Terminal Feri Raja Tun Uda | Dalam proses mendapatkan kelulusan permit Pihak Berkuasa Tempatan |

| BIL. | NAMA PROJEK | LOKASI PROJEK | STATUS KEMAJUAN PROJEK |
|------|--|----------------------------------|---|
| 19 | <i>High speed internet access (5G FWA)</i> | Terminal Feri Sultan Abdul Halim | Dalam proses mendapatkan kelulusan permit Pihak Berkuasa Tempatan |